



PEMIKIRAN PERADABAN MELAYU DALAM CERITA-CERITA PILIHAN MAK YONG MENERUSI PERSPEKTIF TEORI SPB4K

[THE MALAY CIVILIZATION THOUGHTS IN SELECTED MAK YONG TALES THROUGH THE THEORETICAL PERSPECTIVE OF SPB4K]

¹ROSLAN ABDUL WAHID

roslanwahid71@gmail.com

***¹NASIRIN ABDILLAH**

nasirin@umk.edu.my

¹ Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

*Corresponding Author

ABSTRACT

Thinking is a process towards the formation of theories or modules of educational thinking. Thinking is also an activity and process of using the human mind for a variety of purposes and objectives in life. In education, thinking is a process of educating and teaching the human being intellectually and intellectually and informally. The thinking in education is based on the Philosophy of National Education. Malay literature and art as an educational elements of thought, emotion, imagination and ingenuity. Science Malay literature and art are synonymous with the adaptation of education Malay civilization capable of forming individual personalities who excelled in capturing the positive and creative thinking. An appreciation of the script telling the stories of Mak Yong's choice has been made as a backup in this study. The stories of Mak Yong's choices analyzed are "Anak Raja Gondang", "Eneng Tajali", "Raja Besar Ho Gading" and "Dewa Indera, Indera Dewa". The first objective of the study was to identify the issues or events in the script of the relevant Mak Yong stories. The second is to analyze issues or events using the four elements of SPB4K Theory (4K Integrated Thinking System) introduced by Mohd Yusof Hasan at 2007. The analysis of Spiritual Thoughts leads to higher thoughts related to the elements of divinity, faith, piety and psychiatry. The analysis of the elements of adolescent thinking leads to external thinking related to the development of the human brain which leads to skills of excellence, glory, sustainability and ingenuity. The third element of thinking is that cognitive thinking focuses on logical, scientific thinking that leads to the truth, certainty, accuracy and usefulness of facts and figures while through creative thinking the analysis leads to lateral thinking that brings about innovative, creative, new ideas., art, beauty and beauty. The researchers found that all four of these thoughts of spiritual thought, niche, kesaintifikan and creativity blended in a Malay civilization idea in theory SPB4K. The results of this study are expected to be able to provide useful knowledge and added value to the existence of self-awareness in order to develop education ideas Malay civilization.

Keywords: Story Options Mak Yong, SPB4K Theories, Thoughts of Malay Civilization



ABSTRAK

Pemikiran merupakan satu proses ke arah pembentukan teori atau modul pemikiran pendidikan. Pemikiran juga adalah suatu kegiatan dan proses penggunaan akal manusia untuk pelbagai tujuan dan objektif dalam kehidupan. Dalam pendidikan, pemikiran bermaksud satu proses mendidik dan mengajar supaya manusia bijak dan pandai menggunakan akal fikiran secara formal dan informal. Pemikiran dalam pendidikan adalah bertunjangkan kepada Falsafah Pendidikan Negara. Kesusasteraan dan karya seni Melayu kaya dengan unsur-unsur pendidikan pemikiran, emosi, imaginasi dan akal budi. Ilmu kesusasteraan dan karya seni Melayu amat sinonim dengan pengadaptasian pemikiran pendidikan peradaban Melayu yang mampu membentuk personaliti individu yang unggul dalam menggarap pemikiran positif dan kreatif. Penghayatan skrip penceritaan cerita-cerita pilihan Mak Yong telah dijadikan sebagai sandaran dalam kajian ini. Cerita-cerita pilhan Mak Yong yang dianalisis ialah “Anak Raja Gondang”, “Eneng Tajali”, “Raja Besar Ho Gading” dan “Dewa Indera Indera Dewa”. Objektif pertama kajian adalah mengenal pasti isu-isu atau peristiwa dalam skrip cerita-cerita pilhan Mak Yong berkenaan. Kedua adalah menganalisis isu-isu atau peristiwa menggunakan empat elemen pemikiran Teori SPB4K (Sistem Pemikiran Bersepadu 4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan pada tahun 2007. Penganalisisan menerusi Pemikiran Kerohanian yang menjurus kepada pemikiran luhur yang berkaitan dengan unsur-unsur ketuhanan, keimanan, ketaqwaan dan kejiwaan. Analisis elemen pemikiran kebitaraan pula menjurus kepada pemikiran lahiriah yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang membawa kepada kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian. Elemen pemikiran ketiga pula ialah pemikiran kesaintifikian yang memfokuskan kepada pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta serta angka manakala menerusi pemikiran kekreatifan pula penganalisisan menjurus kepada pemikiran yang bersifat lateral yang membawa maksud inovatif, kreatif, idea baharu, keseniaan, keindahan dan kecantikan. Pengkaji mendapati bahawa keempat-empat pemikiran tersebut iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikian dan kekreatifan diadun dalam sebuah pemikiran peradaban Melayu dalam Teori SPB4K. Hasil kajian ini diharap mampu memberi pengetahuan yang berguna dan nilai tambah terhadap kewujudan kesedaran dalam diri bagi membangunkan pemikiran pendidikan peradaban Melayu.

Kata kunci: Cerita Pilihan Mak Yong, Teori SPB4K, Pemikiran Peradaban Melayu.

PENDAHULUAN

Kajian ini berkaitan Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradaban Melayu menerusi Teori SPB4K ini diharapkan dapat membongkar isu-isu kemanusiaan, membina paradigma pemikiran dan menjawab pelbagai persoalan yang tersurat dan tersirat di dalam penceritaan Mak Yong yang kini hanya dihayati menerusi alunan muzik dan tarian sahaja tanpa penghayatan kepada pengajaran dialognya. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2016:411), pemikiran adalah berkaitan dengan perihal berfikir (memikir) sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan yang kelihatan luar biasa. Istilah peradaban pula, dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2016:7) membawa maksud keadaan serta tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani. Teori SPB4K sama sifatnya dengan Teori Psikonalisis Klasik oleh Sigmund Freud yang menyelongkar aspek kejiwaan manusia bawah sedar untuk mengesan perilaku dan tindak-tanduk manusia secara sedar. Pemikiran Freud tentang aspek bawah sedar telah membuka minda pengkritik sastera untuk menyelongkari aspek bawah sedar



pengarang sebagai sangat relevan dengan proses penghasilan karya. Teori SPB4K berteraskan kepada falsafah kesepaduan empat elemen pemikiran. Kesepaduan pemikiran ini mestilah wujud dalam diri setiap individu supaya menjadi amalan dalam peradaban kehidupan sehari-hari. Siti Hawa Salleh (2007) menyatakan objektif karya sastera Melayu tradisional dicipta adalah untuk memberikan pengajaran, bimbingan, panduan, nasihat dan pelbagai petunjuk ke arah melahirkan insan yang sempurna dan berguna kepada masyarakat dan negara amnya.

PERNYATAAN MASALAH

Pengkaji mendapati persembahan dramatari Mak Yong tidak mempunyai daya tarikan dan gagal menimbulkan rasa kecintaan daripada pemilik budaya hakikinya sendiri kerana gagal menghayati isi cerita Mak Yong? Apakah jalan cerita Mak Yong sukar difahami dan tidak menarik minat para pendengar untuk menghayatinya? Adakah persembahan Mak Yong sekadar mengajak pendengar atau audien melihat dan mendengar alunan rebab dan gendang sahaja dan melihat penari-penari yang cantik sahaja? Adakah pendengar atau audiens memahami kandungan skrip atau dialog yang diujarkan oleh watak-watak dalam sesebuah penceritaan? Persoalannya kandungan cerita Mak Yong sebenarnya merupakan asas untuk membawa audiens memahami jalan cerita tidak dijadikan elemen penting dalam menarik minat para pendengar atau audiens menghayati mesej dan pengajaran yang terdapat di dalam sesebuah cerita Mak Yong. Bertitik-tolak daripada persoalan di atas, maka kajian ini dilakukan berkaitan dengan Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradaban Melayu menerusi Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) menerusi empat modul pemikiran iaitu pertama Pemikiran Kerohanian yang berteraskan pemikiran ketuhanan, keimanan, keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan.

FOKUS KAJIAN

Dalam menghayati karya sastera yang difokuskan kepada cerita teater Melayu tradisional berteraskan aspek pemikiran yang memainkan peranan utama dalam menjurus dan menentukan hala tuju sesebuah pengkajian karya sastera. Pemikiran berasal daripada perkataan “fikir” atau think. Menerusi perkataan tersebut, lahir perkataan berfikir, memikir, terfikir, pemikiran dan pemikir. Mohd Yusof Hasan (2007:1) menjelaskan bahawa akal adalah bentuk fizikal, manakala minda pula adalah proses penggunaan akal atau pemikiran. Konsep pemikiran sering juga dikaitkan dengan konsep minda, sebagaimana pandangan Yepsen (1991) yang menyatakan minda adalah anugerah Tuhan yang berkait rapat dengan pemikiran, ingatan dan emosi. Pemikiran adalah sebahagian daripada proses minda yang berlaku dalam otak. Dengan kata lainnya, dapatlah disimpulkan bahawa, pemikiran merupakan suatu proses menggunakan akal fikiran untuk menghasilkan sesuatu perkara atau penyelesaian dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Dalam kajian ini pengkaji memilih untuk menelusuri empat unsur pemikiran menerusi perspektif Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikian dan kekreatifan yang diperkenalkan oleh Mohd. Yusof Hassan yang terkandung dalam cerita-cerita pilihan Mak Yong. Kesepaduan antara pemikiran SPB4K dengan karya kreatif penulis skrip cerita Mak Yong ini mampu mempamerkan dan mengangkat ketinggian pemikiran peradaban Melayu.



OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti isu-isu atau peristiwa yang terdapat di dalam cerita-cerita pilihan Mak Yong
2. Menganalisis pemikiran penulis ke atas isu atau peristiwa dan dikaitkan dengan empat elemen pemikiran Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) ke arah mewujudkan kesepaduan pemikiran peradaban Melayu.

SOALAN KAJIAN

1. Adakah dalam karya cerita-cerita pilihan Mak Yong terdapat banyak isu atau peristiwa untuk dianalisis?
2. Adakah Teori SPB4K dapat diaplikasikan untuk menganalisis pemikiran penulis ke atas isu atau peristiwa dan dikaitkan dengan empat elemen pemikiran Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) ke arah mewujudkan kesepaduan pemikiran peradaban Melayu?

SOROTAN LITERATUR

Kajian yang dilakukan oleh Masriyazu Mustafa dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. Kajian beliau (2006) yang berjudul 'Pemikiran dalam Novel-novel Khadijah Hashim'. Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan rumusan pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim. Pengkaji menganalisis 10 buah novel garapan novelis terkenal Khadijah Hashim dengan menggunakan pendekatan sastera. Kajian ini juga menganalisis aspek pemikiran yang merangkumi aspek sosiobudaya, sosiopolitik dan sosioekonomi.

Seterusnya kajian juga dijalankan oleh Norol Nizam Sarkawi (2010) dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris bagi memenuhi Ijazah Sarjana Muda dengan kajiannya yang bertajuk Pemikiran Pengarang dalam Novel 'Jeriji Kasih' karya Ramlah Abdul Rashid. Kajian ini dikhurasukan terhadap pemikiran kreatif pengarang yang menghasilkan karyanya dengan mengetengahkan elemen-elemen nilai murni yang terdapat di dalam karya tersebut. Pengkaji menggunakan teori tempatan iaitu Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K yang memfokuskan kepada pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan yang diasaskan oleh Mohd Yusof Hassan.

Tinjauan seterusnya masih merujuk penulisan oleh Ani Hj.Omar di dalam artikel yang bertajuk 'Pantang Larang di Kalangan Orang Melayu'. Analisis dari Perspektif Teori SPB4K ialah satu artikel ilmiah Kesusastraan Melayu yang diterbitkan oleh Emeritus Publications pada tahun 2011. Berdasarkan kajian di atas, sarjana mengkaji tentang Pantang Larang di Kalangan Orang Melayu Analisis dari Perspektif Teori SPB4K di mana perbincangan yang menarik ini dikaitkan dengan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K atau SPB4K iaitu teori pemikiran yang mempunyai empat elemen pemikiran kemanusiaan iaitu Pemikiran Kerohanian, Pemikiran Kebitaraan, Pemikiran Kesaintifikan dan Pemikiran Kekreatifan. Menurut Ani Hj.Omar (2011:77) keempat-empat unsur pemikiran ini akan dihubungkaitkan bagi memperlihatkan nilai-nilai murni dan kumanusiaan yang menjadi amalan mengandungi maksud yang tersurat dan tersirat sama ada secara sedar atau tidak oleh



masyarakat Melayu dahulu yang dikatakan buta huruf tetapi penghayatan mereka terhadap alam dan hubungannya dengan tamadun manusia begitu tinggi sekali.

Seterusnya rujukan literatur dalam artikel yang bertajuk 'Pembangunan Modal Insan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Apresiasi Puisi Melayu Tradisional dari Perspektif Teori SPB4K' ialah satu artikel ilmiah Kesusasteraan Melayu oleh Ani Hj.Omar pada 2011 dalam buku 'Apresiasi Teori Kesusasteraan Melayu'. Kajian ini membicarakan tentang Kesusasteraan Melayu dalam konteks pendidikan merupakan wadah untuk mendidik iaitu mengimbangi antara intelek , rohani, emosi dan jasmani selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang mementingkan keseimbangan keempat-empat aspek tadi dalam membentuk modal insan yang mementingkan ilmu pengetahuan dan kesejahteraan.

Tinjauan seterusnya masih merujuk penulisan oleh Ani Hj.Omar di dalam artikel yang bertajuk 'Kritikan Novel Cinta Madinah' Karya Abu Hassan Morad dari perseptif Teori SPB4L/4K ialah satu artikel ilmiah Kesusasteraan Melayu yang diterbitkan oleh Emeritius Publications pada tahun 2011. Ani.Hj.Omar (2011:259) Kajian ini membicarakan tentang Kesusasteraan Melayu dalam konteks pemikiran dan persoalan tentang cinta sebagai agenda utama penulisan ini dengan memperkatakan elemen keimanan ,ketakwaan, semangat jati diri, kecekalan, ketabahan dan keinsafan. Cinta Madinah juga memperlihatkan pengarang membawa erti sebenar cinta manusia kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. Perasan cinta kepada baginda Rasulullah S.A.W akan lebih menebal sekiranya kita berada di Madinah dan apabila kita dapat berkunjung ke makam baginda.

Menurut Ani.Hj.Omar lagi, konsep ini amat sesuai dengan kandungan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) menerusi pemikiran kerohanian di mana pemikiran yang kudus dan suci murni berkaitan dengan keimanan dan ketakwaan manusia sebagai hamba kepada Allah S.W.T (*hablumminallah*) dan kepada Nabi Muhammad S.A.W sebagai pesuruh Allah S.W.T. Selain itu, cinta di sini juga bermaksud cinta sesama manusia sebagai khalifah (*hablumminannas*) di mana perasaan cinta dan kasih sayang yang tulus dan murni ke arah kebaikan seperti cinta suami kepada isteri, cinta abang kepada adik kandung sendiri, cinta sebagai seorang sahabat, saudara sesama Islam, sepupu, jiran, majikan kepada pekerja dan juga sebaliknya.

Siti Khariah Mohd. Zubir (2015) dalam terbitan buku ilmiah Wanita dalam Wacana Sastera yang bertajuk 'Pemikiran Zaharah Nawawi Dalam Novel Untuk Membangunkan Sahsiah Belia'. Pengkaji memfokuskan kajian ini terhadap penulis yang berfikiran kreatif dalam membangunkan sahsiah belia akan diperincikan mengikut sudut pandangan penulis kreatif itu sendiri. Pengkaji telah menemukan tiga nilai yang didapati dalam kedua-dua novel karya Zaharah Nawawi yang memiliki perkaitan dengan pemikiran kerohanian dalam Teori SPB4K mampu menjadi penggerak dalam membangunkan sahsiah belia. Pemikiran kebitaran ditonjolkan oleh Zaharah Nawawi jelas dalam novelnya yang berjudul "Bulan dan Bintang" (2007) berkenaan watak yang bijaksana dan pemikiran bestari ingin menuntut ilmu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini didasarkan menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya dengan berdasarkan analisis kandungan (content analysis). Kajian ini dijalankan adalah bagi menganalisis isi kandungan cerita-cerita pilihan Mak Yong yang disusun dan diusahakan oleh Saari Abdullah dengan menggunakan pendekatan SPB4K. Analisis kualitatif kajian kandungan ini merangkumi penganalisisan ke atas isu



atau peristiwa yang dikaitkan dengan empat elemen pemikiran Sistem Pemikiran Bersepadu 4K ke arah kesepaduan pemikiran peradaban Melayu.

TEORI SISTEM PEMIKIRAN BERSEPADU 4K (SPB4K)

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu pada awalnya dikenali sebagai teori SPB4L diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan seorang tokoh pemikir dan sarjana dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Teori SPB4K berteraskan kepada falsafah kesepaduan pemikiran. Kesepaduan ini mestilah wujud dalam diri setiap individu supaya menjadi kemahiran dan amalan dalam kehidupan seharian. Beliau menyatakan bahawa pemikiran yang perlu disepadukan itu ialah pemikiran kerohanian, kbeitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Keempat-empat kemahiran pemikiran ini perlu dimiliki secara seimbang dan bertimbang balik dan bukannya secara berasingan (Mohd Yusof Hasan, 2001:3).

Pemikiran kerohanian merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Ia berkaitan dengan unsur keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Pemikiran ini juga menggambarkan falsafah dan kepercayaan manusia dan turut dianggap sebagai pemikiran keimanan. Dalam agama Islam, pemikiran kerohanian melihatkan hubungan dan komunikasi manusia secara vertikal, iaitu manusia sebagai hamba sekali gus sebagai khalifah yang berhubungan terus dengan Allah. Manakala hubungan manusia secara horizontal pula melibatkan hubungan manusia sesama manusia dan alam.


Melalui pemikiran kbeitaraan yang merupakan pemikiran yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang membawa kepada kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian. Pemikiran ini khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Dalam agama Islam, ia mementingkan asas kekeluargaan yang bermula daripada perkahwinan manusia, hubungan suami isteri, mengandung, penjagaan pendidikan asas semasa bayi dan pendidikan kanak-kanak. Oleh yang demikian penggunaan pemikiran kbeitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Perwatakan haruslah ceria positif, kreatif dan soleh. Hal ini bertujuan supaya watak-watak yang terdapat dalam sesebuah karya dapat ditonjolkan dari segi peranannya dalam menyelesaikan sesuatu konflik dan menjadi tauladan kepada pembaca.

Pemikiran kesaintifikan merupakan pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Dalam komunikasi sehari-hari antara manusia dalam penulisan dan pembacaan, pertuturan dan pendengaran, manusia perlu menggunakan ilmu logik. Logik ialah proses penaakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea, fakta atau keputusan. Ilmu logik ialah keseluruhan proses yang membawa kepada keputusan melalui penaakulan yang berdasarkan bukti-bukti yang jelas dan konkret. Oleh hal yang demikian, melalui penghasilan sesebuah karya yang berteraskan pemikiran kesaintifikan, sesebuah karya haruslah mengemukakan latar belakang yang benar-benar wujud, menggunakan latar tempat yang indah permai, suasana yang kondusif, latar masa yang sesuai, fakta yang jelas, nada yang positif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas.

Pemikiran kekreatifan pula merujuk kepada pemikiran yang bersifat lateral yang membawa maksud inovatif, kreatif, idea baharu, kesenian, keindahan dan kecantikan. Objektif pemikiran ini adalah untuk memahami kepentingan pemikiran dan tempatnya dalam pemikiran manusia. Melalui pemikiran lateral, terdapat teknik-teknik untuk mengenali pemikiran kreatif, seseorang dapat

menambahkan kesedaran tentang cara memperkembangkannya dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat sesuatu keputusan. Individu juga dapat mempelajari satu pendekatan sistematik untuk mencari peluang bagi semua peringkat pengurusan. Dalam kaitannya dengan penghasilan sesebuah karya sastera, seseorang pengarang yang mempunyai kemahiran pemikiran lateral, seharusnya menampilkan teknik penceritaan yang kreatif dan bermutu tinggi.

Keempat-empat jenis pemikiran dalam teori ini dapat digambarkan seperti berikut;



Rajah 1 : Teori SPB4K (Mohd Yusof Hasan, 2007: 149)

Teori ini percaya bahawa sebuah masyarakat yang memiliki sifat pemikiran yang berteraskan 4K mampu melahirkan pengarang dan karya yang bersifat sepadu dan komprehensif sesuai dengan keperluan asasi jasmani, empat perkara yang saling berkait rapat antara satu sama lain, iaitu masyarakat, pengarang, karya dan pembaca. Keempat-empat perkara ini memiliki kesepaduan empat pemikiran yang sama. Dapatlah dirumuskan bahawa, teori SPB4K ini mementingkan suatu rumusan yang bersifat holistik dengan menekankan seluruh keupayaan dalaman dan luaran seseorang manusia. Sekiranya para belia dapat mengaplikasikan teori SPB4K dalam kehidupan sehari-hari mereka, mereka akan berusaha dan bersedia mendepani cabaran peralihan zaman. Belia yang kreatif dan inovatif memiliki sifat positif terhadap sebarang kemungkinan baru dalam kehidupan dan persekitarannya. Sikap yang positif akan mendorong belia berwatak inovatif, berfikiran kritis, kreatif dan bersikap suka membuat penambahbaikan menerusi kelainan dengan memanfaatkan segala ruang dan peluang di sekeliling mereka.



DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pemikiran Peradaban Melayu dalam Cerita ‘Anak Raja Gondong’ (Batak Halimunan)

Perbincangan dan dapatan daripada cerita-cerita pilihan Mak Yong berkaitan dengan pemikiran peradaban Melayu telah dapat dikesan dalam cerita ‘Anak Raja Gondong’ (Batak Halimunan) – Babak 1 – 15.

1. Pemikiran Peradaban Melayu Dalam Cerita Pilihan 1

Tajuk cerita : Anak Raja Gondang (Babak 1)

Jenis pemikiran : Kerohanian

Isu : Percaya kepada perkara karut

PERAN DUA

Oooo...mu napok aku, maknonya air hok aku minum tu tak jadilah, aaaaku kena tipu doh...

PERAN TUA

Percaya sangat ko air tu, menipu belako tu....Aa...jadi gini...kita toksoh cari pasal air tu. Jadi maghi panggil mu ni, raja kita ni gak gaduh sangat atas balai. Baik kita gi selalu

Transkripsi:

(...maksudnya air yang aku minum tadi tak mujarab,...maka aku sudah kena tipu...)

(...percayakan sangat kepada khasiat air itu, semuanya tipu.....kita jangan cari pasal dengan air tu...)

(Sumber: Teks 1 Data 1 halaman 7)

Dalam teks di atas ,pengesahan pemikiran peradaban Melayu berteraskan elemen pemikiran kerohanian jelas dapat dikesan dalam cerita ‘Anak Raja Gondong’ babak 1 yang menampilkan isu percaya kepada perkara-perkara karut menerusi watak Peran Dua dan Peran Tua. Pembicaraan pemikiran kerohanian yang juga mencetuskan nilai peradaban Melayu berlebar dalam dialog antara Peran Dua dan Tua di mana Peran Dua yang terlalu taksub dengan air jampi merasakan akan dirinya akan tidak boleh dilihat oleh orang lain rupanya meleset. Kepercayaan terlampau terhadap air jampi ini merupakan kesalahan yang berat dari sudut akidah kerana percaya akan air tersebut mempunyai azimat dan kuasa tertentu. Dari sudut kerohanianya mereka yang masih berpegang kepada kepercayaan ini adalah manusia yang nyata terpesong akidahnya dan memiliki moraliti yang rendah.

Kesimpulannya, Teks 1 Data 1 Halaman 7 dalam cerita ‘Anak Raja Gondong’ ini memuatkan pembicaraan antara Peran Dua dan Peran Tua berhubung dengan isu kepercayaan kepada perkara karut. Peran Tua telah menasihati Peran Dua agar jangan terlalu mempercayai perkara-perkara tahuul dan bertentangan dengan ajaran agama Islam yang merujuk kepada Al-Quran dan Hadis. Betapa dalam dan pekanya penulis dalam mengetengahkan isu moral dan peradaban manusia dengan menggariskan pemikiran kerohanian menerusi watak Peran Tua sebagai platform utama konteks pemikiran peradaban Melayu dalam isu ini. Mohd Yusof Hasan (2007:36) ajaran-ajaran Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad S.A.W mampu membentuk kemahiran pemikiran kerohanian dalam



kehidupan seharian manusia. Mohd Yusof Hasan (2007:37) keesaan dan keagungan Allah menjadi pegangan iktikad dan akidah Muslim dan Mukmin. Dengan kata lain, berpeganglah kepada keesaan dan keagungan Allah S.W.T dan hindarkanlah segala kepercayaan tahuyl dan karut-marut. Berfikirlah dengan penuh peradaban yang boleh membawa kemajuan dalam kehidupan jasmani dan rohani. Mohd Yusof Hassan (2007:34) pemikiran kerohanian merupakan fikiran yang berunsurkan keimanan dan keagamaan yang membawa manusia ke arah manusia soleh atau solehah.

Perbincangan dan dapatan daripada cerita-cerita pilihan Mak Yong berkaitan dengan pemikiran peradaban Melayu telah dapat dikesan dalam cerita ‘Anak Raja Gondang’ (Batak Halimunan) – Babak 1 – 15 .Penceritaan dalam buku ‘Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Mak Yong’ menerusi teks 1 ini terus dibicarakan bersandarkan pemikiran penulis mengikut persepsi Teori SPB4K yang mempunyai empat elemen pemikiran juga merupakan nilai-nilai kemanusiaan yang perlu ada dalam diri manusia.

2. Pemikiran Peradaban Melayu Dalam Cerita Pilihan 1

Tajuk cerita	: Anak Raja Gondang (Babak 2)
Jenis pemikiran	: Kebitaraan dan Kecemerlangan
Isu	: Mohon restu mengembara

PUTERI GAK PETERA

Kalu gitu apo sebab denge mako diri nik masuk mengadap bonda nik?

PAK YUNG

Hokni begini bonda,kerana nik mengadap ni gak niat di hati pache dirsa nik nak minta izin ayahanda dan bonda nak pergi jelajoh negeri orghe, kata ore nak mengenal mata cupak mata dacing nak meluaskan pengalame . Sebab ayahanda dan bonda telah pun berbaik semula

PUTERI GAK PETERA

Kalu hajak anakanda sudah demikiey gak,dan nik ni orghe jate puloknya,maka kalu nak cari pengalame molek sangat dah.Pese bonda pada nik kalu dalam negeri orghe, nik janganlah bawa peel perangai ayaue jate maalom sajalah negeri orghe nik

Transkripsi:

(...yang ni begini bonda, nik mengadap ni sebab nik nak minta izin ayahanda dan bonda nik nak pergi jelajah negeri orang, kata orang nak belajar bermiaga dan meluaskan pengalaman...)

(...pesan bonda kepada nik jika mendapat susah di negeri orang, Nik janganlah berperangai seperti ayam jantan maklumlah sebab negeri orang...)

(Sumber: Teks 3 Data 3 halaman 11)

Dalam teks di atas , pengesahan pemikiran peradaban menerusi pemikiran kebitaraan telah dapat dibicarakan dalam cerita ‘Anak Raja Gondang’ babak 2 yang membicarakan isu memohon restu untuk mengembara. Pembicaraan dikatakan menjurus kepada pemikiran kebitaraan berlegar dan



terbukti dalam dialog antara Puteri Gak Petera dan Pak Yung. Usaha mengadap dan memohon restu untuk pergi mengembara adalah suatu usaha yang bijak, terpuji, beradab dan seharusnya di buat dan dicontohi oleh semua orang. Pak Yung memohon jasa baik untuk meminta izin ayahanda dan bondanya sebelum mengembara dengan niat untuk mencari pengalaman dan belajar berniaga serta berdikari. Dalam erti kata lain, dari sudut pemikiran peradaban ini adalah pemikiran kebitaraan di mana setiap mereka yang masih di bawah tanggungan dan tanggungjawab orang berwajib haruslah memohon kebenaran untuk melakukan sesuatu baik sesuatu kerja yang besar maupun kerja yang kecil sebagai tanda mohon keizinan dan doa restu orang tua. Pembinaan dan pemupukan budaya positif seperti ini amat perlu diamalkan dan dibudayakan dalam kalangan masyarakat. Pembudayaan budaya positif ini jelas akan menerapkan budaya penyayang sesama ahli keluarga. Menurut Mohd.Yusof Hasan (2007:92) menyatakan budaya penyayang adalah satu-satu budaya yang baik dalam kalangan kita yang bermula dari dalam keluarga, budaya penyayang ini termasuklah dalam kalangan suami isteri, anak dengan ibu bapa, cucu dengan datuk, ipar lamai, menantu dengan mertua dan sayang antara tuan rumah dengan tuan rumah. Selain itu, pihak ibu bapa atau dalam cerita ini iaitu Puteri Gak Petera pula berhak memesan kepada anakandanya bahawa mencari pengalaman hidup adalah amat baik dan menasihatkan jika semasa berada di negeri orang dan mengalami kesusahan maka janganlah mengamalkan sikap seperti ayam jantan demi menjaga kemaslahatan diri sendiri.

Kesimpulannya, Teks 3 Data 3 Halaman 11 dalam cerita ‘Anak Raja Gondang’ babak 2 yang memuatkan pembicaraan antara Puteri Gak Petera dan Pak Yung berhubung dengan isu memohon restu untuk mengembara. Penulis skrip cerita Saari Abdullah jelas memasukkan nilai-nilai peradaban manusia seperti memohon restu dengan menggariskan tindakan ini adalah cetusan pemikiran kebitaraan dan kecemerlangan sebagai tanda hormat dan memuliakan serta mendahulukan ayahanda dan bonda dalam usaha merealisasikan sesuatu kerja atau komitmen lain.

Seterusnya perbincangan dan dapatan daripada cerita-cerita pilihan Mak Yong berkaitan dengan pemikiran peradaban Melayu telah dapat dikesan dalam cerita ‘Anak Raja Gondang’ (Batak Halimunan) – Babak 1 – 15. Pemikiran kerohanian terus dikesan sebagai salah satu elemen pemikiran peradaban Melayu dalam Teori SPB4K dalam buku ‘Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Mak Yong ‘dalam teks 1 halaman 30

19. Pemikiran Peradaban Melayu Dalam Cerita Pilihan 1

- | | |
|-----------------|--|
| Tajuk cerita | : Anak Raja Gondang (Babak 10) |
| Jenis pemikiran | : Kerohanian |
| Isu | : Belas kasihan dan sanggup berkorban wang ringgit |

TOK PERAIH

Kalu begitu iya budak awe, pasal apa yang dok buat nyayo kepada Batok ini? Hingga bekok bekel pecoh berdarah begini mu ni?

PERAN TUA

Hei...Tok Peraih. Aku diperintah oleh Raja Besar. Batak ni ada membuat kesalahe denge Raja Negeri.

**TOK PERAIH**

Oh...begitu. Pah, sebanyak mano kena tebus tu awe?

BATAK

Tulonglah tebus hujung rotan ambo ni. Seksanya ambo ni.

TOK PERAIH

Ya sungguh juga, Kalu begitu ya awe, di atas belas kasihe diri ambo, maka ambo sangguplah menebus hujung rotan sebagaimana jumlah sakni tu, ambillah pitih ni

PERAN TUA

Kalu gitu tidak mengapalah. Ambo ake berhenti menggode Batak

Transkripsi:

(..Kalau begitu benarnya budak awang, kenapa dibelasah akan Batak ini ? Hingga bengkak-bengkil berdarah begini mu ini...)

(..Hei...Tok Peraih. Aku terima perintah daripada Raja Besar. Batak ini ada membuat kesalahan dengan Raja Negeri)

(...Oh...begitu. Lepas itu banyak mana kena tebus tu awang..?)

(..Tulonglah tebus hujung rotan saya ini. Seksanya saya ini...)

(..Ya...betul juga, kalau begitu ya awang, ats belas kasihan diri saya, maka saya sanggup menebus hujung rotan sebagaimana jumlah tadi, ambil duit ini...)

(..Kalau begitu tidak mengapalah. Saya akan berhenti memukul Batak..)

(Sumber: Teks 19 Data 19 halaman 30)

Dalam teks di atas , pengesahan nilai peradaban Melayu menerusi pemikiran kerohanian telah dapat dikesan dalam cerita ‘Anak Raja Gondang’ babak 10 yang membincarkan isu belas kasihan dan sanggup berkurban wang ringgit . Pembicaraan berfokuskan kepada pemikiran kerohanian menerusi ujaran bicara di antara Peran Tua, Tok Peraih dan Batak. Setelah Batak berjaya ditangkap maka Raja Besar telah menitahkan supaya Batak dijatuhkan hukuman sewajarnya. Peran Tua yang setia dan taat kepada perintah raja memiliki jiwa yang baik dan pemikiran kerohanian yang sihat manakala Tok Peraih pula memiliki pemikiran kerohanian di mana tidak sanggup melihat Batak tersebut lantas menebus hujung rotan. Dalam perbicaraan antara tiga watak ini jelas menampakkan betapa Tok Peraih memiliki jiwa yang tebal dengan nilai-nilai murni peradaban Melayu.

Kesimpulannya, Teks 19 Data 19 Halaman 30 , dalam cerita ‘Anak Raja Gondang’ babak 10 yang memuatkan pengajaran antara Peran Tua, Batak dan Tok Peraih berhubung dengan isu belas kasihan dan sanggup berkurban wang ringgit demi sebuah kemanusiaan. Penulis skrip cerita ini, Saari Abdullah ingin mengajak para pendengar dan pembaca mengamalkan nilai-nilai pemikiran peradaban Melayu yang penuh dengan elemen kasih sayang sesama insan. Penulis menggariskan cetusan pemikiran kerohanian terhadap tindakan manusia agar sentiasa menanam dalam diri perasaan belas kasihan dan sanggup berkurban demi kemanusiaan.



Pemikiran Peradaban Melayu dalam Cerita “Eneng Tajali”

Perbincangan dan dapatan daripada cerita-cerita pilihan Mak Yong berkaitan dengan pemikiran peradaban Melayu telah dapat dikesan dalam cerita ‘Eneng Tajali – Babak 1 – 5 .Berdasarkan cerita ’Eneng Tajali yang dimuatkan dalam buku ’Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Mak Yong’ pengkaji telah berjaya mengetengahkan pelbagai pemikiran dengan berpaksikan Teori SPB4K yang mengandungi empat elemen pemikiran yang menjurus kepada memartabatkan pemikiran peradaban Melayu.

29. Pemikiran Peradaban Melayu Dalam Cerita Pilihan 2

Tajuk cerita	: Eneng Tajali (Babak 2)
Jenis pemikiran	: Kebitaraan dan Kecemerlangan
Isu	: Terburu-buru membawa padah dan menyahut cabaran

RAJA SULUNG

An...Kalu doh begitu kehendok diri Adik antara kedua gak.

RAJA BONGSU

Ya benar jugok Abang.

RAJA SULUNG

An...Tok mengapalah, pelekat hari maso dan ketiko . Kita adakan upacaro beradu tenago antara kito bertigo ni Adik.

RAJA TENGAH

Nnn...yo , lah.

Transkripsi:

(..An..Kalau sudah begitu kehendak dan kemahuan Adik berdua gak...)

(.. Ya, betul sama sekali Abang...)

(.. An...Tidak mengapalah, cari hari , masa dan ketika. Kita akan adakan acara beradu kekuatan anatara kita tiga beradik...)

(.. N...betul , lah...)

(Sumber: Teks 29 Data 29 halaman 60)

Dalam teks di atas , pengesanan pelanggaran dalam pemikiran peradaban Melayu menerusi pemikiran kebitaraan dan kekreatifan telah dapat dikesan dalam cerita ‘Eneng Tajali’ babak 2 yang membicarakan isu menyahut cabaran dan sikap terburu-buru Raja Tengah dan Raja bongsu. Pembicaraan berfokuskan kepada pemikiran kebitaraan dan kekreatifan menerusi ungkapan bicara di antara Raja Sulung, Raja Tengah dan Raja Bongsu. Raja Sulung walaupun terkejut dengan pernyataan



adik-adiknya hendak beradu tenaga dalam usaha merebut takhta dengan penuh yakin menyahut cabaran adik-adiknya yang nampak terburu-buru untuk merebut takhta. Pemikiran terburu-buru tanpa berfikir panjang ini merupakan satu pelanggaran dalam pemikiran peradaban Melayu. Raja Sulung terus bertanya di mana gelanggangnya untuk bertarung. Kebitaraan pemikiran Raja Sulung jelas sedikit sebanyak menggugat keyakinan dan keberanian adik-adiknya. Raja Sulung bukan sahaja bertanyakan tempat malah terus mendesak agar ditetapkan terus tarikh dan ketikanya upcara peraduan tenaga tersebut.

Mohd Yusof Hasan, (2004:147), lazimnya bahagian otak kanan atau Hoka seseorang manusia yang akan mencetuskan pemikiran kekreatifan. Dalam situasi cerita ‘Eneng Tajali’ Teks 29 Data 29 Halaman 60 ini , pemikiran kebitaraan dan kekreatifan nyata terserlah pada watak Raja Sulung kerana memiliki pelbagai kemampuan otak berfikir seperti kebolehan mengeluarkan idea baharu, mengubah suai idea , menggunakan pelbagai kaedah terhadap Raja Tengah dan Raja Bongsu dalam mendepani banyak pilihan. Namun, Raja Tengah dan Raja Bongsu terburu-buru dalam membuat keputusan dek kerana terlalu rakus untuk memiliki takhta. Sikap mereka berdua mencerminkan kebiadaban seorang adik terhadap abangnya. Raja Sulung terpaksa mengikut kehendak adik-adiknya walaupun telah banyak pilihan telah dikemukakan. Raja Sulung mungkin dikatakan zalim terhadap adik-adiknya tetapi adik-adiknya yang telah menetapkan syarat beradu kekuatan dengan kekandanya sendiri untuk mendapatkan takhta. Apa lagi yang harus Raja Sulung lakukan melainkan menurut kehendak adik-adiknya yang pelahap mendapatkan kuasa walau mengambil keputusan menentang dan bertarung dengan abang mereka sendiri.

Kesimpulannya, Teks 29 Data 29 Halaman 60 , dalam cerita ‘Eneng Tajali’ babak 2 yang memuatkan pengajaran antara Raja Sulung,Raja Tengah dan Raja Bongsu berkaitan dengan penyahutan cabaran . Kenyataan kesediaan Raja Sulung adalah di luar jangkaan adik-adiknya. Sebenarnya kesediaan Raja Sulung lebih kepada perang saraf dan psiko terhadap kebiadaban Raja Tengah dan Raja Bongsu. Inilah kebijaksanaan dan kematangan Raja Sulung menangani permasalahan. Raja Sulung telah berjaya menguasai formula OHP. Menurut Mohd Yusof Hasan, (2004:113) OHP adalah singkatan untuk Otak, Hati dan Perasaan. Otak seseorang manusia akan merangsang untuk berfikir. Hati pula akan menggerakkan untuk bertindak dan perasaan mendorongnya untuk menyempurnakan tugasannya. Jelas di sini segala tindakan Raja Sulung telah mencerminkan pemikiran peradaban Melayu cuma adik-adiknya tidak menyedari dan tamakkhan kuasa dan darjah. Tindakan Raja Tengah dan Raja Bongsu melanggari adab tatasusila peradaban Melayu telah memerangkap dan mengakibatkan mereka hidup susah dan melarat walaupun mereka berdua berketurunan raja.

Seterusnya dalam cerita ‘Eneng Tajali’ yang dimuatkan dalam buku ’Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Mak Yong’ pengkaji telah berjaya mengetengahkan lagi pemikiran peradaban Melayu menerusi elemen pemikiran kerohanian dengan berpaksikan Teori SPB4K yang memfokuskan memartabatkan pemikiran peradaban Melayu seperti yang terdapat di dalam babak 5 cerita ‘Eneng Tajali’ di bawah.

36. Pemikiran Peradaban Melayu Dalam Cerita Pilihan 2

- | | |
|-----------------|-----------------------------------|
| Tajuk cerita | : Eneng Tajali (Babak 5) |
| Jenis pemikiran | : Kerohanian |
| Isu | : Teringat dan kasih akan adinda. |



RAJA SULUNG

An...ya , juga Awe antara keduo. An ...hokni begini Awe. Sejak diri Amba memerintah negeri Serendah Sepagar Ruyung sudah berpuluhan-puluhan tahun doh lamonyo. Dan selama tu lah juga diri adik ambo Raja Tengoh nga Raja Bongsu meninggalkan diri ambo. Ke manakah pulo diri dio membawok diri dua beradik tu, matikah atau hidup tidak dapat diri ambo ni katahui Awe.

Transkripsi:

(...An ...ya, juga dalam kedua begini Awang. Semenjak amba memerintah negeri Serendah Sepagar Ruyung selama berpuluhan-puluhan tahun lamanya. Selama itulah juga diri adik ambo Raja Tengah dan Raja Bongsu meninggalkan amba. Kemahakah agaknya diri mereka berdua beradik tu, matikah atau masih hidup tidak dapat amba pastikan Awang ...)

(Sumber: Teks 36 Data 36 halaman 70)

Dalam teks di atas , pengesahan pemikiran peradaban Melayu menerusi pemikiran kerohanian telah dapat dikesan dalam cerita ‘Eneng Tajali’ babak 5 yang membicarakan isu berkaitan dengan rasa rindunya seorang abang kepada adik-adik sepanjang pemerintahannya sebagai sultan negeri Serendah Sepagar Ruyung. Sungguhpun kedua beradik ini menderhaka kepadanya namun naluri kasih sebuah sentuhan rohani darah daging tetap terasa. Ini adalah sentuhan pemikiran peradaban Melayu yang sejati. Sudah berpuluhan tahun Raja Sulung memerintah negeri Serendah Sepagar Ruyung begitulah juga berpuluhan-puluhan tahun Raja Sulung tidak bertemu mata tidak tahu khabar berita Raja Tengah dan Raja Bongsu. Betullah perumpamaan peribahasa Melayu “Air Dicincang Takkam Putus” dan “Carik-carik Bulu Ayam Lama-lama Bercantum Jua” Sebesar mana salah dan silap yang dilakukan adik tetap adik dan abang tetap abang tiada galang gantinya pertalian darah daging.

Kesimpulannya, Teks 36 Data 36 Halaman 70 , dalam cerita ‘Eneng Tajali’ babak 5 yang memuatkan pengajaran antara Raja Sulung yang merintih rasa mengenang untung nasib kedua beradiknya iaitu Raja Tengah dan Raja Bongsu. Nilai peradaban manusia dalam isu ini diimplementasikan menerusi pemikiran kerohanian yang dicerminkan oleh penulis skrip cerita “Eneng Tajali” hasil garapan Saari Abdullah. Pemikiran kerohanian yang dicetuskan oleh penulis skrip ini wajar dijadikan sebagai pengajaran yang terbaik untuk direnungi bersama menjadi pengajaran dalam mengukuhkan ikatan kasih anak-beranak demi sebuah legasi peradaban Melayu.

Pemikiran Peradaban Melayu dalam Cerita ‘Raja Besar Ho Gading’

Perbincangan dan dapatan daripada cerita-cerita pilihan Mak Yong berkaitan dengan pemikiran peradaban Melayu telah dapat dikesan dalam cerita ‘Raja Besar Ho Gading’ Babak 1 – 16. Berdasarkan cerita ’Raja Besar Ho Gading’ yang dimuatkan dalam buku ’Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Mak Yong’ pengkaji telah berjaya mengetengahkan pelbagai pemikiran dengan berpaksikan Teori SPB4K yang mengandungi empat elemen pemikiran yang menjurus kepada memartabatkan pemikiran peradaban Melayu. Antaranya,

48. Pemikiran Peradaban Melayu Dalam Cerita Pilihan 3
- | | |
|-----------------|----------------------------------|
| Tajuk cerita | : Raja Besar Ho Gading (Babak 4) |
| Jenis pemikiran | : Kebitaraan dan Kecemerlangan |
| Isu | : Musyawarah dalam pentadbiran |

**RAJA BESAR**

Kalu begitu awe...diri ambo mempunyai tujuh orghe putera, jadi ambo nak bertanya pada diri mu antara berdua, apa pandange dan renunge dirimu antara kedua. Dale tujuh orghe anak ambo ni, yang mana satu hok layak menjadi Raja bagi menggantikan ake diri ambo memerintah negeri nanti, awe...?

PERAN TUA

Ho ni gini Ku! Diri patik antara kedua tidak dapat gamok nak kata melainkan pendapat patik. Eloklah Tuanku buat pertanyaan kepada Tok Wok Ahli Nujum. Mudah-mudahe diolah yang dapat memberi keputuse mengenai anak-anak Tuanku itu.

RAJA BESAR

Aww...Sungguh juga awe, sebalah mana kata akan diri mu itu awe ...Kalu gitu gak! Awe, silalah diri mu antara kedua memanggil akan diri Tok Wok Ahli Nujum itu, mengadap diri ambo ni awe....

Transkripsi:

(... Kalau begitu diri ambo ini mempunyai tujuh orang putera, maka ambo ingin bertanya pada kamu berdua, apakah pandangan dan renungan kamu berdua dalam tujuh beradik anak ambo ini, yang mana satu layak ditabalkan menjadi Raja menggantikan ambo ...)

(...Begini Tuanku, Patik berdua tidak pandai memberikan pendapat. Sebaiknya Tuanku bertanya akan Tok Wok Ahli Nujum. Mudah-mudahan dia dapat memberikan keputusan mengenai anak-anak Tuanku itu ...)

(...Betul juga awang seperti yang kamu katakana awang, Kalau begitu kamu berdua bolehlah memanggil Tok Wok Ahli Nujum itu mengadap ambo...)

(Sumber: Teks 48 Data 48 halaman 101)

Dalam teks di atas , pengesanan pemikiran peradaban Melayu menerusi pemikiran kbeitaraan telah dapat dikesan dalam cerita ‘Raja Besar Ho Gading’ dalam babak 4 yang membicarakan isu musyawarah dalam pentadbiran. Musyawarah dalam pentadbiran atau sesuatu pengurusan adalah amat penting dalam menjamin kualiti dan kesahan sesuatu keputusan yang dibuat. Dalam ujaran antara Raja Besar dengan Peran Tua dalam babak 4 Raja Besar memohon pendapat dan pandangan daripada Peran Tua berkaitan dengan penggantinya dalam kalangan tujuh orang puteranya. Saari Abdullah ingin membuktikan bahawa betapa pentingnya musyawarah dalam menentukan atau membuat sesuatu keputusan sungguhpun seseorang itu mempunyai kuasa mutlak untuk melantik. Bermusyawarah merupakan satu amalan yang digalakkan dalam membuat sesuatu keputusan. Amalan ini merupakan elemen pemikiran peradaban Melayu dan digalakkan dalam ajaran Islam.

Kesimpulannya, Teks 48 Data 48 Halaman 101, dalam cerita ‘Raja Besar Ho Gading’ dalam babak 4 yang memuatkan pengajaran antara Raja Besar dengan Peran Tua yang membicarakan isu siapakah penggantinya dalam kalangan tujuh puteranya. Walaupun Peran Tua wajar dijadikan rujukan namun Raja Besar memberikan kepercayaan penuh kepada Peran Tua yang kemudiannya mencadangkan agar merujuk kepada Tok Wok Ahli Nujum. Inilah hasil perbincangan akan terbit idea dan cadangan yang lebih berasa jika adanya musyawarah.

Pemikiran Peradaban Melayu dalam Cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’

Seterusnya perbincangan dan dapatan daripada cerita-cerita pilihan Mak Yong berkaitan dengan pemikiran peradaban Melayu telah dapat dikesan dalam cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ Babak 1 – 28. Berdasarkan cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ yang dimuatkan dalam buku ‘Anak Raja



Gondang dan Lain-lain Cerita Mak Yong' pengkaji telah berjaya mengetengahkan pelbagai dimensi pemikiran dengan berpaksikan Teori SPB4K yang mengandungi empat elemen pemikiran yang menjurus kepada memartabatkan pemikiran peradaban Melayu. Antaranya,

60. Pemikiran Peradaban Melayu Dalam Cerita Pilihan 4

Tajuk cerita	: Dewa Indera Indera Dewa (Babak 3)
Jenis pemikiran	: Kerohanian
Isu	: Kesetiaan dan keakraban adik-beradik

LAPOK

Patik mengadap Ku

INDERA DEWA

An diri Adik mari doh Adik

INDERA DEWA

Kalu gitu apakah hajat diri abe memanggil diri masuk ngadap ni abe ?

DEWA INDERA

An...kalu begitu hok ni begini adik. Sebab kereno mano yang diri abe memanggil ake diri adik masuk ngadap diri abe ni kerana abe nak ajok adik bersamo gi memburu di kebun dusun lamo pesako ayoh peninggaley bonda , adik.

INDERA DEWA

An...Begitu jugo abe

DEWA INDERA

Sebabnya adik, diri abe beso duk gi masuk memburu pelanduk lapoh pada setiap tujuh hari sekali adik. Jatuh pado hari ini sudah sampai masonryo adik.

Transkripsi:

(...Patik sedang mengadap Tuanku...)

(...Ann...Adik sudah datang ni)

(... Apakah hajat abanh memanggil adik mengadap ...)

(...Begini adik, Abang memanggil adik mengadap kerana ingin mengajak adik pergi memburu di kebun dusun lama pesaka ayah peninggalan Bonda ...)

(...Ohh...begitu ...)

(...Sebabnya abang selalu pergi masuk berburu Pelandok Lapoh pada setiap tujuh tujuh hari sekali maka pada hari ini adalah harinya ...)

(Sumber: Teks 60 Data 60 halaman 137)

Dalam teks di atas, pengesanan nilai kemanusiaan menerusi pemikiran kerohanian telah dapat dikesan dalam cerita 'Dewa Indera Indera Dewa' dalam babak 3 yang membicarakan isu kesetiaan dan



keakraban adik-beradik. Dalam ujaran antara Dewa Indera dan Indera Dewa diperlihatkan oleh Saari Abdullah menampilkan keakraban dua beradik yang akan pergi berburu bersama di dusun lama pesaka ayah tinggalan bonda. Betapa kedua beradik ini memiliki sentuhan rasa sebagai seorang anak yang tetap menghargai pemberian dan peninggalan arwah ayahanda dan bonda mencerminkan sifat dan sikap terpuji mereka berdua. Keakraban dan kesetiaan adik-beradik dalam cerita ini melambangkan pengamalan pemikiran peradaban Melayu yang tinggi ada dalam diri kedua beradik ini.

Kesimpulannya, Teks 60 Data 60 Halaman 137, dalam cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ dalam babak 3 ini memuatkan unsur pemikiran peradaban intrinsik Dewa Indera dan Indera Dewa yang sentiasa setia dan akrab. Menghargai harta peninggalan arwah ayahanda dan bonda merupakan sikap yang amat terpuji dan wajar dijadikan teladan sungguhpun mereka berdua adalah dalam kalangan orang-orang bangsawan.

Perbincangan dan dapatan seterusnya daripada cerita-cerita pilihan Mak Yong berkaitan dengan pemikiran peradaban Melayu telah dapat dikesan dalam cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ Babak 1 – 28. Antara isu yang diselongkar adalah seperti di bawah.

70. Pemikiran Peradaban Melayu Dalam Cerita Pilihan 4

Tajuk cerita	: Dewa Indera Indera Dewa (Babak 11)
Jenis pemikiran	: Kebitaraan dan Kecemerlangan
Isu	: Berfikir tentang permasalahan rakyat

DEWA INDERA

Kita ni Adik , sudoh beberapa hari dah duduk memburu di dusun lama nih. Sekalian daging Pelanduk Napuh pun kita raso doh. Adik.

INDERA DEWA

Ya , benar juga Abe.

DEWA INDERA

Kalu begitu silolah Adik, diri kita koho-koho berjalan balik ke istana Adik. Sebab nak tinggal istana lamo-lamo tidak bulih Adik . Takut ada hamba rakyat datang nak berguam katan susoh pulok , Adik.

INDERA DEWA

An..ya benar juga . Sebalas mano hok diri Abang kata tu Abang.

Transkripsi:

(...Kita sekarang Adik sudah beberapa hari duduk berburu di dusun lama nih.Semua daging Pelanduk Napuh telah kita rasa....)

(...Ya, betul tu Abang...)

(...Kalau begitu silakah Adik kita perlahan-lahan berjalan pulang ke Istana Adik., sebab istana tidak boleh ditinggalkan lama-lama. . Dikhuatiri ada hamba rakyat hadir untuk memohon pertolongan)

(Sumber: Teks 70 Data 70 halaman 151)



Dalam teks di atas , pengesahan pemikiran peradaban Melayu menerusi pemikiran kebitaraan dan kecemerlangan telah dapat dikesan menerusi cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ dalam babak 11 yang membincarkan isu berfikir tentang permasalahan rakyat. Sikap bertanggungjawab terhadap rakyat jelata merupakan satu sifat mulia dan melambangkan pemikiran peradaban Melayu seorang Raja terhadap rakyatnya. Pemikiran ini dapat dikesan menerusi ujaran antara dua beradik iaitu Dewa Indera dan Indera Dewa yang berbicara tentang perihal istana dan pentadbiran negeri walaupun pada ketika itu mereka sedang berburu. Dewa Indera mengajak adiknya Indera Dewa agar bersiap untuk pulang kembali ke istana atas sebab runsing dan khuatir rakyat jelatanya dalam kesusahan dan perlukan pertolongan. Pendapat Dewa Indera disokong tanpa halangan oleh adiknya Indera Dewa. Saari Abdullah penulis skrip cerita ini telah mencetuskan pemikiran kebitaraan dan kecemerlangan kepada kedua beradik ini dalam mentadbir dan mengurus sebuah negeri dengan adil dan sejahtera. Mereka mentadbir negeri penuh dengan adab dan menjaga kebajikan rakyat jelata.

Kesimpulannya, dalam Teks 70 Data 70 Halaman 151 , dalam cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ dalam babak 11 ini memuatkan unsur pemikiran kebitaraan yang diujarkan oleh Dewa Indera dengan Indera Dewa yang membincarkan perihal pentadbiran sebuah negeri. Kebitaraan dan kecemerlangan seseorang pemimpin atau ketua kerajaan adalah dapat dilihat daripada segi keprihatinan terhadap permasalahan rakyat dan mencuba sedaya upaya mungkin untuk menyelesaikannya. Dengan kata lain, sikap bertanggungjawab dan prihatin dengan masalah rakyat serta menjaga kemaslahatan rakyat jelata merupakan cerminan kepada sebuah pentadbiran negeri yang beradab, bitara dan besteri. Dalam cerita ini, sungguhpun mereka dua beradik berada di dalam hutan untuk berburu namun ingatan kepada rakyat sentiasa dalam benak pemikiran mereka.

Seterusnya dalam cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ yang dimuatkan dalam buku ‘Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Mak Yong’ pengkaji telah berjaya mengenangkan lagi pemikiran peradaban Melayu menerusi elemen pemikiran kerohanian dengan berpaksikan Teori SPB4K yang memfokuskan pemartabatan pemikiran peradaban Melayu seperti yang terdapat di dalam babak 15 cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ di bawah.

74. Pemikiran Peradaban Melayu Dalam Cerita Pilihan 4

- | | |
|-----------------|---------------------------------------|
| Tajuk cerita | : Dewa Indera Indera Dewa (Babak 15) |
| Jenis pemikiran | : Kerohanian |
| Isu | : Prihatin dan kasih adik-beradik |

DEWA INDERA

Kalu begitu Ya Adik tekok diri Abang ni beraso dahago, Adik.

INDERA DEWA

An yalah, Tekok Adik pun rasa sedemikiey

DEWA INDERA

Kalu begitu ya Awang antara kedua.

DEWA INDERA

Kalu begitu silalah diri mu antara keduo gi cari air , untuk diri ambo dan adik amba Awe.

Transkripsi:

(....Kalau begitu Adik tengok diri Abang ini sudah berasa dahaga , Adik)

(... Yalah ...Tengok kepada adik pun sedemikian..)

(... Kalau begitu Awang antara kedua ...)

(..Kalau begitu kamu berdua pergilah mencari air untuk diri ambo dan adik amba, Awang

(Sumber: Teks 74 Data 74 halaman 155)

Dalam teks di atas, pengesahan nilai pemikiran peradaban Melayu menerusi pemikiran kerohanian telah dapat dikesan menerusi cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ dalam babak 15 yang membincarkan isu prihatin dan kasih adik-beradik . Pemikiran yang menjurus kepada kerohanian ini dapat dikesan menerusi ujaran antara Dewa Indera dan Indera Dewa yang saling memahami dan mengetahui keperluan masing-masing. Indera Dewa dapat merasakan dia juga rasa sesuatu yang sama sepertimana yang dirasakan oleh kekandanya Dewa Indera.

Kesimpulannya, dalam Teks 74 Data 74 Halaman 155 , dalam cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ dalam babak 15 ini memuatkan unsur pemikiran kerohanian kasih sayang dalam diri Dewa Indera dan adiknya Indera Dewa. Sifat kasih dan sayang yang menebal sesama darah daging ini merupakan lumrah dalam sesebuah peradaban kemanusiaan.

Selain itu, menerusi cerita ’Dewa Indera Indera Dewa’ yang dimuatkan dalam buku ’Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Mak Yong’ pengkaji telah berjaya mengetengahkan beberapa lagi dimensi pemikiran menerusi elemen pemikiran kerohanian dengan berpaksikan Teori SPB4K yang memfokuskan memartabatkan pemikiran peradaban Melayu seperti yang terdapat di dalam babak 18 cerita ’Dewa Indera Indera Dewa’ di bawah.

82. Pemikiran Peradaban Melayu Dalam Cerita Pilihan 4

Tajuk cerita : Dewa Indera Indera Dewa (Babak 18)

Jenis pemikiran : Kerohanian

Isu : Bertanggungjawab kepada negeri

RAJA BESAR

An ya juga Awang. Sebab kerano mano diri ambo memanggil akan diri mu antara kedua ni gak Awang. Amba nak bertanya khabar diri mu antara keduo , balas mana berita keadaan di dalam negeri Amba ni. Awang, baik ke buruk Awe.

JAMBUL

Apa yang diri patik tahu Ku, baik pun ada buruk pun ado.

RAJA BESAR

Ambo tok pehe Awe, baik lagu mano? Kalu buruk tu lagu mano pulok Awe?

JAMBUL



Hak baik tu Ku. Hasil negeri bercocok tane hamba rakyat Tuanku menjadi Ku. Hak buruk tu pula, La ni sekelian rakyat Tuanku takut nak keluar kerja mencari makan , pasal adalah seekor Gajah Arak Api sedang duk mengamuk tak dok siapa pun berani nak menangkap akan gajah itu , Tuanku.

RAJA BESAR

An...begitu Awe . Kalu begitu runsing sunggoh hati Ambo Awe ikut lagu mana pun diri ambo keno ikhtiar menangkap Gajah tu, sebab diri Amba adalah seorang pemerintah , keselamatan rakyat jelata, diri Ambo keno jago dan ambil tahu Awe.

Transkripsi:

(...Awang , amba memanggil diri kamu berdua ini sebab hendak bertanyakan khabar akan keadaan negeri Amba . Baik atau buruk khabarnya.....).

(...Apa yang patik boleh berutahu Tuanku, berita baik ada dan beruta buruk pun ada)

(...Amba kurang faham , baik setara mana kalau buruk setara mana ...)

(...Yang baik tu Tuanku, Segala hasil bercocok tanam rakyat amat baik dan menjadi. Perkara yang buruk pula segala rakyat takut hendak keluar kerja mencari makan kerana ada seekor Gajak Arak Api sedang mengamuk dan tiada sesiapa pun berani hendak menangkapnya...)

(...Oh ..Beginu Awang. Kalau begitu amba berasa runsing dan kita kena ikhtiar macam mana sekalipun sebab diri amba adalah seorang raja pemerintah maka keselamatan rakyat jelata, amna kena ambil tahu...)

(Sumber: Teks 82 Data 82 halaman 169)

Dalam teks di atas, pengesahan pemikiran peradaban Melayu menerusi pemikiran kerohanian telah dapat dikesan menerusi cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ dalam babak 18 yang membicarakan isu bertanggungjawab kepada negeri. Pemikiran yang menjurus kepada kerohanian ini dapat dikesan menerusi ujaran antara dua watak iaitu Raja Besar dan pembantunya Jambul. Kerohanian yang dimaksudkan itu berkaitan dengan reaksi dan sikap Raja Besar yang sering bertanyakan khabar akan keadaan negeri dan rakyat jelatanya. Sikap sebegini amat baik dan seharusnya ada dalam jiwa rohani seorang pemimpin negeri. Keber tanggungjawaban Raja Besar melambangkan betapa beliau memiliki jiwa yang besar sebagai pemimpin. Saari Abdullah menyelitkan unsur-unsur kerohanian iaitu bertanggungjawab ke dalam watak Raja Besar sebagai suatu cerminan kepada pendengar dan pembaca skrip cerita ini bahawa sikap dan sifat utama seorang pemimpin masyarakat atau negara ialah bertanggungjawab.

Watak Jambul dalam laporannya kepada Raja Besar ada menyatakan bahawa keadaan negeri amat baik dengan suasana rakyat jelata boleh bercucuk tanam dan sebagainya. Cuma ada satu berita buruk iaitu segala rakyat takut hendak keluar kerja mencari makan kerana ada seekor Gajak Arak Api sedang mengamuk dan tiada sesiapa pun berani hendak menangkapnya. Setelah mendengar akan berita buruk tersebut maka atas dasar tanggungjawab seoarang pemerintah Raja Besar berkata dia berasa runsing dan mengambil keputusan bahawa perlu ikhtiar macam mana sekalipun sebab dirinya adalah seorang raja pemerintah maka keselamatan rakyat jelata perlu diutamakan. Inilah sikap kepimpinan sejati yang bertanggungjawab telah ditunjukkan oleh Raja Besar yang berusaha menjaga kebajikan rakyat dan negerinya. Keprihatinan ini melambangkan betapa tingginya nilai



kerohaniannya terhadap kebijakan rakyatnya yang secara langsung mencerminkan sebuah pemikiran peradaban pentadbiran raja-raja Melayu terhadap rakyatnya.

Kesimpulannya, dalam Teks 82 Data 82 Halaman 169 , dalam cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ dalam babak 18 ini memuatkan unsur pemikiran kerohanian dalam diri Raja Besar atas sikap prihatinnya yang amat tinggi terhadap kebijakan rakyat dan seluruh isi negeri di bawah takluknya melalui ujarannya kepada pembantunya Jambul. Watak Raja Besar digambarkan oleh Saari Abdullah sebagai seorang pemimpin negeri yang bertanggungjawab. Sikap Raja Besar ditamsilkan sebagai seorang yang memiliki jiwa rohani yang besar sebagai seorang pemimpin berjiwa rakyat. Saari Abdullah ingin membawa hala tuju pemikiran pembaca yang menghayati dan pendengar cerita ini agar jika kita dipilih menjadi pemimpin seharusnya perlu sentiasa bertanya khabar akan kebijakan rakyat dan sedia berkorban demi kemaslahatan bersama. Penulis skrip Saari Abdullah telah berjaya menghidupkan dimensi pemikiran kerohanian menerusi watak Raja Besar dalam isu bertanggungjawab kepada negeri fikirkan keselamatan rakyat. Inilah kehebatan skrip penceritaan Mak Yong meskipun idea ini ianya lahir spontan dalam ujaran mana-mana penulis skrip teater drama Mak Yong namun kesan serta impaknya jika diperhalusi mesej yang ingin disampaikan amatlah berguna.

Seterusnya ada lagi pemikiran kerohanian yang dikesan dalam cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ yang dimuatkan dalam buku ‘Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Mak Yong’ pengkaji telah berjaya mengetengahkan pemikiran kerohanian dengan berpaksikan Teori SPB4K yang boleh dikaitkan dengan pemikiran peradaban Melayu seperti yang terdapat di dalam babak 21 dalam cerita pilihan keempat iaitu ‘Dewa Indera Indera Dewa’ di bawah.

86. Pemikiran Peradaban Melayu Dalam Cerita Pilihan 4

- | | |
|-----------------|--|
| Tajuk cerita | : Dewa Indera Indera Dewa (Babak 21) |
| Jenis pemikiran | : Kerohanian |
| Isu | : Berpesan-pesan dan saling bermaaf-maafan |

INDERA DEWA

An diri Adik tidak lupo samo sekali pesane diri Abe tu Abe.

DEWA INDERA

Ya, jugok Adik

SUPA

Sedih rasonyo hati patik, nak berpisoh denge diri Tuanku.

LAPOK

Maaf ko patik getek Ku, mana ado silap diri patik dengan selamo kening Ku. Aku gak Supa , kalu sedih gak, mulalah nak tubek hingus

INDERA DEWA

Kalu begitu Awe berdua maaflah jugok ko diri Ambo Awe.



Transkripsi:

(...Hmm Adik tidak akan lupa sama sekali diri Abang...).

(...Ya, Abang pun begitu juga...)

(...Rasa sedih di hati hendak berpisah dengan Tuanku...)

(...Maafkan patik juga Tuanku, jika ada salah silap selam ini. Aku ini sama seperti Supa , kalau sedih mesti akan keluar hingus...)

(...Kalau begitu mohon Awang berdua maafkanlah juga diri Tuanku ini...)

(Sumber: Teks 86 Data 86 halaman 174)

Dalam teks di atas, pengesahan pemikiran peradaban Melayu menerusi pemikiran kerohanian telah dapat dikesan menerusi cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ dalam babak 21 yang membincarkan isu berpesan-pesan dan saling bermaafan. Pemikiran yang menjurus kepada kerohanian ini dapat dikesan menerusi ujaran antara beberapa watak iaitu Indera Dewa, Dewa Indera, Supa dan Lapuk. Dialog berunsur kerohanian telah dipertuturkan oleh mereka. Indera Dewa dan Dewa Indera saling berharap agar masing-masing tidak melupai dan sentiasa ingat akan ikatan kasih adik-beradik walau nanti berada di negeri orang.

Selain itu, Supa dan Lapuk juga tidak ketinggalan untuk memohon kemaafan terhadap Indera Dewa jika ada salah dan silap. Indera dewa juga dengan rasa rendah diri mohon agar Supa dan Lapuk memaafkannya jika ada sebarang kesilapan. Saari Abdullah menyelitkan unsur-unsur kerohanian berbentuk kasih sayang dan saling bermaafan antara adik dan abang sebagai suatu cerminan kepada pendengar dan pembaca skrip cerita ini bahawa kasih sayang adik-beradik hingga ke syurga bak kata pepatah “Carik-carik Bulu Ayam, Lama-lama Bercantum Juga” begitulah situasinya antara Dewa Indera, Indera Dewa, Supa dan Lapuk.

Kesimpulannya, dalam Teks 86 Data 86 Halaman 174 , dalam cerita ‘Dewa Indera Indera Dewa’ dalam babak 21 ini memuatkan unsur pemikiran kerohanian dalam diri Dewa Indera, Indera Dewa, Supa dan Lapuk. Watak Indera Dewa dan Dewa Indera dilakarkan oleh Saari Abdullah sebagai pasangan adik-beradik yang akrab dan penuh kasih. Penulis skrip Saari Abdullah telah berjaya menghidupkan dimensi pemikiran kerohanian menerusi watak Indera Dewa, Dewa Indera, Supa dan Lapuk yang jelas ada kaitan dengan nilai-nilai pemikiran peradaban sesama manusia.

KESIMPULAN

Dalam kajian ini, pengkaji mengulas dan membincangkan aspek pemikiran peradaban Melayu berdasarkan penganalisisan terhadap petikan ujaran-ujaran skrip cerita-cerita pilihan Mak Yong oleh Saari Abdullah. Segala kajian dan analisis adalah berdasarkan analisis kandungan yang bersusur galur dan mempunyai kaitan rapat dengan Teori SPB4K yang dijadikan pisau bedah kepada konsep pemikiran. Tidak dinafikan terdapat juga unsur-unsur pengajaran berpaksikan nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita-cerita pilihan Mak Yong menjadi tunjang kepada penganalisisan kajian ini.

Pemikiran peradaban Melayu digarap keluar daripada antipati konsep pemikiran Teori SPB4K (Sistem Pemikiran Bersepadu 4K) yang mempunyai empat cabang pemikiran peradaban Melayu iaitu Pemikiran Kerohanian, Pemikiran Kebitaraan dan Kecemerlangan, Pemikiran Kesaintifikian dan Pemikiran Kekreatifan. Menerusi kajian ini, terdapat banyak isu di sebalik peristiwa yang dicetuskan untuk dianalisis. Antaranya dalam dapatan dan perbincangan menerusi cerita pilihan 1 ‘Anak Raja



Gondang' (Babak 1 dan 10) isu yang diperbincangkan seperti suka mempercayai kepada perkara karut dan belas kasihan serta sanggup berkorban apa sahaja telah dianalisis menggunakan elemen pemikiran kerohanian menerusi pendekatan Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Selain itu, dalam cerita pilihan 1 'Anak Raja Gondang' (Babak 2) juga terdapat isu yang diperbincangkan berdasarkan peristiwa yang dicetuskan seperti isu memohon restu untuk mengembala telah pun dianalisis menggunakan elemen pemikiran kebitaraan dan Kecemerlangan menerusi pendekatan Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K).

Seterusnya dalam dapatan dan perbincangan menerusi cerita pilihan 2 'Eneng Tajali' (Babak 2) isu yang dibincangkan ialah berkaitan dengan sikap terburu-buru yang membawa padah dan menyahut cabaran telah pun dianalisis dengan menggunakan elemen pemikiran Kebitaraan dan Kecemerlangan menerusi pendekatan Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Seterusnya menerusi cerita pilihan 2 'Eneng Tajali' (Babak 5) juga terdapat isu yang dicetuskan daripada peristiwa dalam babak tersebut iaitu teringat dan kasih akan adinda telah pun dianalisis menggunakan elemen Kerohanian menerusi pendekatan Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K).

Dalam cerita pilihan 3 iaitu 'Raja Besar Ho Gading' (Babak 4) isu di sebalik peristiwa yang dicetuskan ialah berkaitan dengan musyawarah dalam pentadbiran yang telah pun dianalisis dengan menggunakan elemen pemikiran Kebitaraan dan Kecemerlangan menerusi pendekatan Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Isu dan peristiwa terus dianalisis menggunakan elemen pemikiran SPB4K dalam cerita pilihan 4 pula iaitu 'Dewa Indera Indera Dewa' (Babak 3, 15, 18, dan 21) yang berkisar kepada isu kesetiaan adik-beradik, prihatin dan kasih antara adik-beradik, bertanggungjawab, berpesan-pesan dan saling bermaafan telah pun dianalisis oleh pengkaji menggunakan elemen pemikiran Kerohanian menerusi pendekatan Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Selain itu, menerusi cerita pilihan 4 'Dewa Indera Indera Dewa' dalam babak 11 ini juga telah dianalisis berkaitan dengan isu di sebalik cetusan peristiwa berfikir tentang permasalahan rakyat dengan menggunakan elemen pemikiran Kebitaraan dan Kecemerlangan menerusi pendekatan Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K).

Berdasarkan persoalan yang dicetuskan menerusi isu di sebalik peristiwa dalam cerita-cerita pilihan Mak Yong telah dianalisis dengan menggunakan elemen-elemen pemikiran yang terdapat dalam pendekatan Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) maka jelas terdapat keselarian dan perkaitan antara permasalahan dan objektif kajian yang telah terjawab dalam dapatan dan perbincangan. Setiap persoalan kajian yang ditimbulkan menerusi isu-isu di sebalik peristiwa yang dicetuskan dalam cerita-cerita pilihan Mak Yong ini telah diimplementasikan dengan menggunakan elemen-elemen pemikiran dalam SPB4K bagi mencapai objektif dalam kajian ini.

Menerusi kajian ini, cerita-cerita pilihan Mak Yong yang bertajuk 'Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Mak Yong' yang telah dijadikan bahan analisis ini merupakan cerita yang dikumpulkan oleh Saari Abdullah dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (JKKN). Dalam cerita-cerita pilihan Mak Yong ini pelbagai kajian boleh dijelmakan bukan sekadar mengeluarkan nilai-nilai kemanusiaan dan pemikiran peradaban Melayu malah banyak lagi boleh diaplikasikan bergantung kepada kebijaksanaan dan keupayaan kreativiti seseorang pengkaji warisan budaya bangsa.



RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2006). *Ikhtisar Teori dan Kritikan Sastera Barat dan Malaysia*. Tanjong Malim,: Penerbit Profesional Baharu.
- Ani Hj. Omar. (2011). Apresiasi Teori Kesusasteraan Melayu. Tanjong Malim,: Emeritus Publications.
- Ani Hj. Omar. (2012). Esei dan Kritikan Kesusasteraan Melayu Alaf Baharu. Tanjong Malim: Penerbit Mentari.
- Aziah Tajudin dan Mohd. Fadzli Tajuid. (2013). Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hajah Noresah Bhaarom. (2007). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masrizayu Mustafa (2006). Pemikiran dalam Novel-novel Khadijah Hashim. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Serdang: UPM.
- Norol Nizam Sarkawi.(2010).Pemikiran Pengarang Dalam Novel Jeriji Besi. Disertasi Ijazah Sarjana Muda Fakulti Bahasa dan Komunikasi: UPSI.
- Mohd. Yusof Hasan. (2000). Pemikiran Saintifik SPB4L. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Mohd Yusof Hasan. (2004). Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradaban Melayu. Tanjong Malim: Penerbitan UPSI..
- Mohd. Yusof Hasan. (2007). Teori Pendidikan Pemikiran Global. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Mohd. Yusof Hasan. (2012). Minda Melayu Global. Tanjong Malim, Perak: Penerbit UPSI.
- Saari Abdullah.(2005). Anak Raja Gondang dan Lain-lain Cerita Mak Yong .Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negara, Malaysia
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2015). *Pemikiran Zaharah Nawawi Dalam Novel Untuk Membangunkan Sahsiah Belia*.Tanjong Malim: Penerbit UPSI.